

27/10/2003

Pelaksanaan hudud buat Pas tersepit, gelabah

Zulkofli Jamaludin

CADANGAN Kerajaan Pas Terengganu dijangkaewartakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2002, hari ini 27 Oktober, tentu menarik perhatian kerana rakyat boleh melihat sejauh mana undang-undang hudud Pas itu dapat dilaksanakan.

Pewartaan itu dilihat tergesa-gesa kerana Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, September lalu memberitahu sidang Dewan Undangan Negeri

(DUN) Terengganu, bahawa hukum hudud tidak boleh dilaksanakan tanpa terlebih dulu mempunyai perancangan mengatasi masalah ekonomi terutama kemiskinan di negeri ini.

Bagaimanapun, beberapa minggu kemudian beliau mengumumkan bahawa kerajaan negeri akanewartakan Enakmen Hudud dan Qisas kerana mengambil sikap positif Perlembagaan Persekutuan, yang menyatakan bahawa Islam adalah agama Persekutuan dan agama lain bebas untuk diamalkan.

Berikutan itu, kerajaan negeri beranggapan Kerajaan Pusat tidak perlu dimaklumkan mengenai pewartaan enakmen berkenaan, dan terpulang kepada Kerajaan Pusat sama ada mahu membatalkan enakmen berkenaan.

Sebenarnya, tindakan pemimpin Pas itu dilihat cuba 'menguji' kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengambil alih jawatan Perdana Menteri, daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 31 Oktober ini.

Kerajaan negeri bersungguh-sungguh inginewartakan enakmen berkenaan sebelum Perdana Menteri berundur walaupun persiapan melaksanakan hukum hudud dan qisas itu masih jauh dan bagi sesetengah pihak menganggapnya ibarat jauh panggang daripada api.

Ketua Penerangan Umno negeri, Nasir Ibrahim Fikri, berkata hudud Pas tidak menepati hukum syarak dan pelaksanaannya dilakukan secara tergopoh-

gapah kerana hendak menghadapi pilihan raya akan datang, sedangkan persiapan mengenai badan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan hukuman dan penerangan kepada orang ramai belum dilakukan secara menyeluruh.

Walaupun Abdul Hadi berkata, tidak timbul masalah kerjasama polis dalam

melaksanakan enakmen berkenaan kerana polis hanya menguatkuasa dan membanteras jenayah, tetapi pasukan keselamatan itu perlu diberi penjelasan mengenai pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Mengikut undang-undang hudud itu, polis tidak berhak menentukan perjalanan hukuman hudud dan qisas kerana penentuan ke atas hukuman hanya

boleh diputuskan oleh mahkamah.

Peguam, Datuk Mohd Zaid Ibrahim, baru-baru ini memohon kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk mengeluarkan petisyen bagi mencabar undang-undang hudud dan qisas itu dilaporkan berkata, DUN Terengganu dilarang daripada membuat undang-undang jenayah kerana hanya Parlimen mempunyai kuasa khas membuat dan meluluskan undang-undang itu.

Presiden Pas itu ketika mengumumkan tarikh pewartaan berkata, rakyat yang tidak mengundi Pas selepas pelaksanaan enakmen hudud dan qisas

dianggap `penjenayah' yang takut menerima hukuman.

Pas kini tersepit sama ada meneruskan cadangan pelaksanaan hudud itu walaupun sedar undang-undang berkenaan tidak boleh dilaksanakan kerana bercanggah dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan atau kehilangan sokongan rakyat pada pilihan raya umum nanti.

Sehubungan itu, jangan hanya kerana hendak menang pilihan raya, kita membuat undang-undang tanpa persiapan rapi kerana ia boleh menjejaskan Islam kerana Islam yang sebenar adalah baik.